



TRAVEL Easy

Product Disclosure Sheet



NOTA PENTING

Sila baca Lampiran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil polisi **Tune Protect Travel Easy**. Sila pastikan untuk membaca terma dan syarat umum.

1) Apakah produk ini?

Polisi ini memberikan pampasan dan pembayaran balik bagi orang yang membuat Perjalanan Domestik (dalam Malaysia) / Perjalanan Antarabangsa (keluar dari Malaysia) untuk tujuan perniagaan atau percutian. Mereka akan dilindungi sekiranya berlaku kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan oleh kemalangan yang tiba-tiba dan tidak dijangka, perbelanjaan perubatan yang ditanggung akibat kemalangan atau sakit *, kesulitan perjalanan dan bantuan perjalanan.

Untuk senarai penuh manfaat, sila rujuk ke www.tuneprotect.com

* Digunakan untuk Perlindungan Seluruh Dunia SAHAJA

2) Siapakah yang layak untuk perlindungan ini?

Semua rakyat Malaysia atau Residen yang mempunyai alamat tetap di Malaysia dan berlepas dari Malaysia dan yang berumur di atas tiga puluh (30) hari tetapi di bawah tujuh puluh lima (75) tahun.

- i) Pelan Individu: lapan belas (18) ke tujuh puluh lima (75) tahun
- ii) Pelan Keluarga: tiga puluh (30) hari ke tujuh puluh lima (75) tahun
- iii) Seorang kanak-kanak mestilah tiga puluh (30) hari ke atas dan sehingga dua puluh satu (21) tahun jika bergantung kewangan dan berada dalam pendidikan sepenuh masa

3) Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Polisi ini meliputi manfaat seperti:

- Manfaat Kemalangan Diri
- Manfaat Kesulitan Perjalanan iaitu Pembatalan/Gangguan Perjalanan, Bagasi & Kesan Peribadi.
- Kelewatan Bagasi, Kehilangan/Kerosakan Bagasi oleh Pengangkut Biasa, Kehilangan Wang Peribadi, Kehilangan Dokumen Perjalanan / Kehilangan Kad Kredit, Kelewatan Perjalanan dan lain-lain manfaat berkaitan Perjalanan.
- Manfaat Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan: - Akibat kemalangan sahaja (Perlindungan Domestik); Akibat kemalangan dan Sakit (Perlindungan Seluruh Dunia).
- Liabiliti Peribadi
- Manfaat penjagaan rumah
- Manfaat bantuan perjalanan

4) Berapakah premium yang perlu saya bayar dan bagaimana saya ingin membuat pembayaran premium?

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza berdasarkan yang berikut:

- Pelan yang anda pilih
- Destinasi perjalanan anda
- Tempoh perlindungan

Pembayaran Premium boleh dibuat secara Kad Kredit / Debit atau Perbankan Internet.

5) Bagaimanakah bayaran premium dikira?

Premium dikira berdasarkan faktor-faktor berikut:

- Duti Setem RM10
- 25% Rebat Langsung kepada pelanggan dalam talian
- Cukai Perkhidmatan dikenakan pada premium pada kadar semasa, jika berkenaan

6) Apakah di antara terma dan syarat-syarat penting yang perlu Pemegang Polisi ketahui?

- **Terma Pembayaran**

Insurans ini tidak akan berkuat kuasa melainkan premium telah dibayar

- **Tuntutan:**

Apabila berlaku apa-apa kejadian yang menimbulkan atau mungkin menimbulkan tuntutan di bawah polisi ini, anda atau wakil sah anda hendaklah memaklumkan kepada kami selepas anda kembali ke Malaysia atau pada akhir perjalanan anda seperti berikut:-

- i. Semua tuntutan mesti dimaklumkan kepada kami dalam tempoh 30 hari dari tarikh kerugian atau akhir perjalanan
- ii. Bukti afirmatif kerugian perlu diberikan kepada Syarikat dalam tempoh sembilan puluh (90) hari dari tarikh kerugian atau akhir perjalanan
- iii. Atas perbelanjaan anda, berikan kepada kami semua dokumen / maklumat yang relevan yang kami minta (ini mungkin termasuk resit rasmi, laporan, sijil dan bukti bertulis atau fotografi lain) untuk membantu membuktikan tuntutan anda
- iv. Anda tidak boleh mengakui, menafikan atau merundingkan sebarang kemungkinan tuntutan tanpa kebenaran bertulis daripada Syarikat

7) Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh atau untuk:

- Sebarang pekerjaan yang berkaitan dengan:
 - i) Angkatan bersenjata, pasukan pengaman dan kumpulan-kumpulan yang seumpamanya
 - ii) Kru kapal atau
 - iii) Sukan separa profesional dan profesional atau di mana pendapatan berkala diterima berhubung dengan sukan sedemikianKecuali ia semata-mata pentadbiran, atau pengurusan yang berkaitan.
- Sebarang aktiviti yang berkaitan dengan:
 - i) Semua kerja manual
 - ii) Penggunaan (termasuk percubaan) jentera berat, bahan letupan, atau bahan berbahaya
 - iii) Bekerja di tapak luar pesisir apa-apa jenis pengangkutan atau
 - iv) Apa-apa bentuk sukan musim sejuk

- Bunuh diri atau kecederaan sendiri yang disengajakan atau percubaan untuk berbuat demikian semasa dalam keadaan waras atau tidak waras
- Semasa perjalanan udara melainkan sebagai penumpang tambang berbayar di dalam pesawat peribadi atau komersil berlesen
- Pelanggaran undang-undang
- Gangguan mental atau saraf
- Mana-mana keadaan yang sedia wujud di mana anda telah menerima atau sedang menerima rawatan
 - i) Telah diberikan nasihat perubatan, diagnosis, di mana penjagaan atau rawatan telah disyorkan
 - ii) Mempunyai simptom-simptom yang jelas dan nyata yang kelihatan atau telah kelihatan atau
 - iii) Apabila kewujudannya kelihatan jelas kepada seseorang yang munasabah dalam keadaan Dalam tempoh 120 hari sebelum tarikh berkuatkuasa seperti yang dinyatakan dalam jadual polisi
- AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan) atau HIV (Virus Kurang Imun Manusia)
- Sukan Profesional atau Berbahaya, berlumba selain dari berjalan kaki (kecuali untuk ultra-marathon yang dikecualikan)
- Bahan nuklear, kimia atau biologi
- Perang, tindakan musuh asing, radiasi atau pencemaran oleh radioaktif
- Kerugian, kecederaan, kerosakan atau liabiliti undang-undang yang timbul secara langsung dari perjalanan dalam, ke atau melalui Afghanistan, Belarus, Cuba, Republik Demokratik Congo, Iran, Iraq, Korea Utara, Persekutuan Rusia (termasuk Crimea), Somalia, Sudan, Syria dan Zimbabwe.
- Perjalanan yang dibuat tanpa mengikut nasihat doktor atau apabila tujuan perjalanan adalah untuk mendapatkan apa-apa bentuk rawatan, perundingan atau nasihat perubatan
- Kegagalan untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan tuntutan di bawah polisi berikutan amaran melalui atau oleh media massa am dan apa-apa keadaan yang telah anda ketahui sebelum membeli polisi
- Kehamilan
- Kerugian atau kerosakan apa-apa jenis terbangkit

8) Bolehkah polisi dibatalkan?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi kami notis 30 hari.

- Polisi tahunan anda akan dibatalkan berikutan permintaan pembatalan dan pemulangan premium adalah mengikut jadual kadar jangka pendek yang digunakan oleh kami untuk tempoh perlindungan yang tidak digunakan.
- Polisi perjalanan tunggal anda boleh dibatalkan tertakluk kepada kelulusan kami dengan syarat bahawa tarikh permintaan anda adalah sebelum tarikh permulaan perjalanan atau tempoh insurans dan telah mematuhi sebab-sebab yang telah ditetapkan untuk pembatalan seperti yang dinyatakan dalam polisi **Tune Protect Travel Easy**.

9) Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan atau maklumat perjalanan?

Anda boleh menghantar e-mel tentang perubahan kepada hello.my@tuneprotect.com.

10) Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans Kemalangan Diri, sila rujuk kepada buku panduan infoinsurans yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman web www.insuranceinfo.com.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Tune Protect Malaysia

Tune Insurance Malaysia Berhad

Company No: 197601004719 (30686-K)

Tingkat 9, Wisma Tune,

No. 19 Lorong Dungun, Damansara Heights,

50490, Kuala Lumpur,

Malaysia.

No Tel: 1800 88 5753

Faks: 03-20941366

Emel: hello.my@tuneprotect.com

Laman Web: www.tuneprotect.com



NOTA PENTING:

Anda dinasihatkan untuk memperhatikan bayaran manfaat untuk kematian dan kecacatan dalam polisi insurans anda. Anda dinasihatkan untuk mencalonkan seorang penama dan memastikan penama anda mengetahui polisi kemalangan diri yang telah anda beli. Anda harus membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan wakil jualan atau menghubungi syarikat insurans secara langsung untuk maklumat lanjut.

Maklumat yang disediakan dalam lampiran pendedahan ini adalah ringkasan untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma dan syarat tepat yang digunapakai dinyatakan dalam kontrak polisi.

Tune Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Maklumat yang diberikan dalam Lampiran Pendedahan Produk ini adalah sah pada 31 Mar 2020.